BERITA HARIAN – AHAD, 26/07/2020

M/S: 6 & 7

Penempatan haram Bukit Malut membesar

Kebanyakan rumah dibina di kawasan rizab hutan paya bakau, warga asing semakin berani tarah lereng bukit

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Kawasan penempatan haram Bukit Malut di sini, semakin membesar apabila lebih banyak rumah dibina dan tanah baharu diteroka tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Jika sebelum ini, kebanyakan rumah penduduk dilihat dibina di kawasan rizab hutan paya bakau, tetapi kini mereka semakin berani apabila menarah kawasan lereng bukit sehingga menghampiri jalan utama.

Kegiatan menarah hutan lereng bukit itu didakwa dilakukan pihak tertentu untuk menjualnya kepada warga asing yang berminat membina rumah baharu yang turut dilengkapi bekalan air dan elektrik.

Tinjauan *BH* di penempatan yang terletak kurang 25 kilometer dari pekan Kuah itu, merahpati wujud pertambahan bilangan rumah yang dibina secara haram di tanah milik Pemodalan Kedah Berhad (PKB) itu.

Dianggarkan ketika ini, ada kira-kira 1,000 rumah dibina di kawasan meranghasi hutan para, pesisir laut dan lereng bukit dengan jumlah penduduk dikatakan sudah melebihi 10,000 orang ketika ini, berbanding hanya kira-kira 800 rumah tahun lalu.

Apa lebih mengejutkan apabila tinjauan turut merahpati terdapat dua bangunan komersial dipercayai rumah kedai tiga tingkat sedang dibina di jalan masuk utama ke Bukit Malut.

Berdasarkan kerja pembinaan yang giat dilakukan, berkemungkinan bangunan yang menempatkan empat hingga lima pintu rumah kedai itu dapat disiapkan sebelum hujung tahun ini.

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan pembinaan bangunan berkenaan dilakukan dengan kebenaran pihak berkuasa berikutan kelihatan papan tanda tapak projek selain pekerjanya tidak memahuhi aspek keselamatan ditetapkan.

Pada masa sama, kepadatan penduduk yang tertalu ramai turut menyebabkan masalah sosial lain, termasuk isu kekecahan apabila timbunan sampah dapat dilihat terbiar di hampir semua kawasan penempatan.

> *Kebanyakan masalah yang timbul di kawasan kampung itu adalah disebabkan kehadiran 'orang luar' tidak dikenali sehingga menjejaskan imej penduduk asal.*
>
> ***Hashim,** Penduduk*

Keadaan itu berlaku kerana penduduk mengambil jalan mudah membuang sampah ke laut dan kawasan bertambah buruk ketika air surut apabila sisa plastik, botol kaca dan kayu menjadi bertimbun.

Kegiatan penagihan dadah juga dipercayai masih berlaku di Bukit Malut, apabila terdapat rumah beka pekerja kokum udang yang terbiar dilihat dimasuki beberapa lelaki bermotosikal bagi mendapatkan bekalan.

Usaha wartawan dan jurugambar *BH* menghampiri 'barang' itu bagaimanapun gagal, apabila dimengking lelaki tidak dikenali yang mengaku kamu memasuki tapak bekas lokam udang yang diting galkan itu.

Keadaan ini, sekali gus menunjukkan penduduk penempatan haram ini seolah-olah kebal dan tidak mempedulikan arahan pihak berkuasa apabila terus melakukan kegiatan menyalahi undang-undang.

Sementara itu, seorang penduduk dikenali Hashim, 54, berkata kebanyakan penduduk Bukit Malut masih berjalan seperti biasa, walaupun kehadiran pihak berkuasa di kawasan itu semakin kerap.

Beliau mendakwa, kebanyakan masalah yang timbul di kawasan kampung itu adalah disebabkan kehadiran 'orang luar' tidak dikenali sehingga menjejaskan imej penduduk asal.

"Sejak kebelakangan ini, polis kerap masuk lakukan operasi dan tangkap mereka yang menghisap dadah dan itu dilihat sebagai sesuatu yang baik.

"Kami cuma harap dapat tinggal di sini, dan minta pihak berkuasa tidak ganggu rumah serta perniagaan sahaja," katanya yang bersama kedai kopi di situ sejak lima tahun lalu.

Pada Jun tahun lalu, *BH* mendedahkan, Bukit Malut dianggap sebagai kawasan paling hitam di Langkawi berikutan berlaku banyak kegiatan jenayah, termasuk penyelahupan berikutan kelemahan warga asing tidak terkawal.

Kesedaran kedaruan penduduk yang memenuhi pinggir pantai Bukit Malut membuatkan ia umpama penempatan haram di Sao Paulo, Brazil atau setinggan di Mexico City, Mexico.

Berikutan itu, bekas Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Langkawi, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan, kerajaan akan menyusun dan membina semula kawasan setinggan itu, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan ke arah itu diambil.

Difahamkan, penempatan ini mula dibuka sejak awal 80-an oleh pelarian Myanmar, yang membina rumah di kawasan pesisir laut sebelum ia terus berkembang sehingga ke kawasan berbukit.

Penduduk asal Langkawi menganggap Bukit Malut sebagai misteri kerana penghuninya kurang bercampur dengan orang tempatan, walaupun kebanyakan mereka mula terbabit dalam kegiatan ekonomi setempat termasuk memiliki perniagaan sendiri.

Malah, hampir separuh penghuni penempatan yang mendakwa berketurunan Melayu Myanmar di situ, dilaporkan memiliki dokumen pengenalan diri, MyKad.

Kegiatan menarah tanah bagi membina penempatan didakwa dilakukan pihak tertentu. (Foto Ahmad Ramal Ibrahim)

Papan tanda pemberitahuan tanah tak milik Pemodalan Kedah Berhad di Bukit Malut